

# Badan Islam sokong usaha perang IS

Turut salur bantuan kemanusiaan, bendung ideologi penganasan

2 Nov 2014

NIZAM ISMAIL

PERTUBUHAN Islam setempat siap siaga dalam menyokong sebarang usaha Singapura sekiranya menyertai kesepakatan di antara Amerika Syarikat dengan negara-negara lain yang kini menentang militan Negara Islam (IS).

Antara usaha-usaha yang mampu dilakukan adalah dengan meningkatkan bantuan-bantuan kemanusiaan dalam membantu rakyat Syria.

Ini disamping usaha badan-badan ini untuk menepis, membendung dan mematahkan ideologi penganasan di dalam negara.

Pegawai Perhubungan Awam Badan Agama Dan Pelajaran Radin Mas (Bapa), Encik Mohamed Shah Reza yang kini giat membantu bantuan kemanusiaan kepada rakyat Syria berkata:

"Bapa sedar ancaman IS adalah nyata kepada rantau ini dan usaha membasmi IS saban hari kian sukar dan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak justeru Bapa menyokong usaha Singapura memainkan peranan aktif dalam membantu mengembalikan kestabilan sejangat.

"Bapa yakin pemerintah Singapura berupaya membuat keputusan strategik yang merangkumi kepentingan pelbagai pihak.

"Pada masa yang sama mengekalkan keamanan dan keharmonian antara kaum di Singapura hasil kerja keras yang dipelopori oleh pemimpin perintis Singapura."

Awal dari ini, Perdana Menteri Lee Hsien Loong, menyatakan tentang Singapura sedang menimbang dengan serius bagi membantu memerangi kumpulan militan IS.

Encik Lee memberitahu bahawa tindakan membendung dan melemahkan IS masih perlu dan Singapura mungkin boleh menyertai kesepakatan Amerika Syarikat dengan negara-negara lain.

Jumaat lalu, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) telah mengedarkan risalah khas di masjid-masjid - menjelaskan kekeliruan di sebalik khilafah Islam kumpulan militan IS, selain menerbitkan dan memuat naik klip video selama minit yang memaparkan ancaman ideologi kumpulan IS.

Sementara Pejabat Mufti dengan kerjasama Berita Harian dan pusat pendidikan Andalus bulan lalu telah melancarkan satu peraduan esei yang ingin mengupas isu-isu berkaitan kesejahteraan siber yang turut menyentuh tentang isu-isu penganasan dan pengaruh fahaman radikal terbit daripada Internet.

Pengasas dan Pengarah SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, berkata berdasarkan pengalaman yang lalu, Singapura mungkin boleh membantu dari segi membekalkan perubatan, peralatan serta kemudahan lain yang sesuai untuk masyarakat di sana.

Singapura juga mungkin sesuai menghantar bantuan teknologi tertentu bagi tujuan strategik, katanya.

"Singapura dengan jelas tidak pernah menyokong penganasan dan kita juga akan terus dan secara konsisten terus mengutuk sebarang perbuatan ganas IS ini," ujar Encik Mohamed Nassir.

Menurutnya SimplyIslam turut bersama dalam kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) yang dijalankan bersama dengan Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX).

"Penglibatan Singapura dalam perikatan ini dijangka meningkatkan usaha kami membantu pelarian Syria," ujar Encik Mohamed Nassir.